

**GARIS PANDUAN PROSEDUR OPERASI
STANDARD (SOP) BAGI SYARIKAT JURUKUR
TANAH BERLESEN DAN KAKITANGAN SEPANJANG
PENGUATKUASAAN PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN (PKP) DAN PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**



PEJUTA
PERSATUAN JURUUKUR TANAH BERTAULIAH MALAYSIA
ASSOCIATION OF AUTHORISED LAND SURVEYORS MALAYSIA

(UNTUK EDARAN SYARIKAT JURUKUR TANAH BERLESEN SAHAJA)

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)

PANDUAN KEMBALI BEKERJA DAN LANGKAH-LANGKAH PERLINDUNGAN UNTUK SYARIKAT JURUKUR TANAH BERLESEN DAN KAKITANGAN.

Garis panduan ini berfungsi untuk memastikan langkah pencegahan diambil secara serius di kalangan syarikat dan kakitangan Jurukur Tanah Berlesen (JTB) bagi meminimumkan risiko penularan wabak Covid-19 dan memastikan persekitaran kerja yang lebih selamat, kondusif dan terkawal.

Wabak Covid-19 berkemungkinan berlanjutan sehingga berbulan-bulan malah bertahun lamanya. Vaksin yang diluluskan berkemungkinan hanya akan diperolehi pada tahun 2021.

'Norma Baru' tidak dapat dielakkan dan akan dilaksanakan dengan lebih ketat bagi mengelakkan gangguan terhadap kesihatan diri, kesejahteraan orang di sekeliling, perniagaan serta reputasi sesebuah organisasi secara keseluruhan.

NORMA BARU:

1. Penjarakan sosial- Elakkan berada di kawasan yang sesak atau ramai orang (crowded area), elakkan berada di dalam kawasan yang tertutup (confine\ space), elakkan bercakap pada jarak yang dekat (kurang dari satu meter) (close conversation).
2. Mempraktikkan amalan kebersihan diri dan tangan, iaitu kerap membasuh tangan dengan betul dengan air dan sabun, atau dengan *hand sanitizer*.
3. Menggunakan topeng muka.

BAGI SYARIKAT JURUKUR TANAH BERLESEN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN:

4. Syarikat disarankan mengurangkan bilangan kakitangan kepada tahap paling minima atau sekurang-kurangnya sebanyak 50% daripada jumlah semasa atau yang berdaftar pada satu-satu masa sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Syarikat juga disarankan mewujudkan sistem bekerja dari rumah bagi kakitangan yang tidak terlibat dengan aktiviti yang kritikal.
5. Kebenaran beroperasi syarikat adalah mengikut zon yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan tertakluk kepada peraturan-peraturan semasa yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara.
6. Waktu beroperasi syarikat adalah tertakluk kepada tempoh waktu yang dinyatakan di dalam Prosedur Operasi Standard sektor yang terlibat. Walau bagaimanapun Pihak Berkuasa Tempatan berhak untuk menentukan waktu operasi bagi kawasan atau negeri masing-masing.

7. Syarikat perlu memberi taklimat yang sesuai kepada kakitangan berkenaan penyakit Covid-19 dan langkah-langkah pencegahan yang perlu diikuti.
8. Setiap pekerja dibekalkan alat pelindung diri bersesuaian seperti penutup hidung, topeng muka, dan sarung tangan yang bersesuaian secukupnya mengikut keperluan dan jenis pekerjaan.
9. Syarikat hendaklah menyediakan alat saringan suhu badan atau *thermal scanner*. Pengukuran suhu badan dan saringan gejala perlu dilakukan setiap hari di pintu masuk sebelum masuk ke premis ataupun sebelum pergi melakukan kerja lapangan. Sekiranya bacaan suhu badan ialah 37.5° Celcius atau lebih, atau mempunyai gejala, kakitangan tidak dibenarkan memasuki premis syarikat atau melakukan kerja lapangan dan syarikat perlu merujuk kakitangan tersebut ke Klinik Panel Syarikat atau Klinik Kesihatan yang berdekatan.
10. Syarikat hendaklah menyediakan *hand sanitizer / disinfecting kits* di pintu masuk dan semua kawasan *common area* dan tempat-tempat lain yang berkaitan dalam premis.
11. Syarikat hendaklah menjalankan proses sanitasi pembasmian kuman di premis setiap kali sebelum operasi bermula mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
12. Syarikat hendaklah memastikan kenderaan pekerja telah menjalani proses sanitasi dan pembasmian kuman setiap kali sebelum digunakan.
13. Kenderaan pekerja yang disediakan oleh syarikat tidak dibenarkan untuk melintasi sempadan semasa yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara.
14. Pihak syarikat perlu membantu dan memberi kerjasama sepenuhnya kepada Kementerian Kesihatan Malaysia dalam melaksanakan pengesanan kenalan (contact tracing) pekerja yang telah dijangkiti Covid-19 dan pengurusan kenalan.

BAGI KAKITANGAN DI SYARIKAT JURUKUR TANAH BERLESEN DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN:

15. Semua pekerja hendaklah mematuhi prosedur pencegahan Covid-19 yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.
16. Pekerja hendaklah sentiasa menjaga jarak sosial (social distancing) untuk mengelakkan dari bersentuhan diantara satu sama lain sekurang-kurangnya 1 meter.
17. Pekerja seharusnya pulang segera ke rumah atau penempatan setelah selesai bekerja.
18. Sentiasa menggunakan topeng muka ketika melakukan kerja sama ada di dalam pejabat ataupun ketika melakukan kerja lapangan.
19. Semua pihak diingatkan untuk sentiasa menjaga kebersihan diri seperti membasuh tangan dengan betul menggunakan sabun atau *hand sanitizer*.

20. Sekiranya terdapat kakitangan yang berada di bawah pemerhatian Kementerian Kesihatan Malaysia (*person under investigation*) atau di bawah perintah pemerhatian di rumah, pekerja terbabit tidak dibenarkan datang bekerja dan perlu menjalani tempoh pengasingan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
21. Kakitangan yang baru pulang dari luar negara, tidak dibenarkan bekerja dalam tempoh 14 hari dari tarikh sampai ke Malaysia dan perlu menjalani proses kuarantin sepanjang tempoh tersebut.

PANDUAN KEBERSIHAN PERIBADI:

22. Kerap membasuh tangan dengan menggunakan sabun dan air yang bersih.
23. Gunakan *hand sanitizer* jika tiada kemudahan mencuci tangan yang tersedia.
24. **JANGAN** menyentuh muka, mata, hidung, telinga dan mulut tanpa mencuci tangan.
25. Tidak bersalaman antara satu sama lain.
26. Batuk atau bersin dengan menutup mulut dengan membengkokkan siku, **BUKAN** menggunakan tangan.
27. Membersihkan permukaan yang sering disentuh dengan menggunakan pembasmi kuman.
28. Menggunakan topeng muka.
29. Buang topeng muka dan tisu yang telah digunakan kedalam tong sampah ataupun di tempat yang telah disediakan.

LANGKAH-LANGKAH PERLINDUNGAN:

30. Pelawat luar- Pelawat luar/pengunjung sangat tidak digalakkan di premis. Jika perlu, hadkan jumlah pelawat didalam satu-satu masa.
31. Pemeriksaan suhu badan- Semua kakitangan/pengunjung mesti melakukan ujian suhu badan sebelum masuk ke premis dan sebelum pergi melakukan kerja lapangan.

Sekiranya bacaan suhu badan ialah 37.5° Celcius atau lebih, atau mempunyai gejala, individu tersebut tidak dibenarkan memasuki premis syarikat atau melakukan kerja lapangan dan perlu dirujuk ke Klinik Kesihatan yang berdekatan.
32. Penggunaan topeng muka setiap masa- Semua kakitangan/pengunjung luar disarankan memakai topeng muka sebelum memasuki premis.

UJIAN DAN PENGESANAN KENALAN (CONTACT-TRACING):

33. Pengesanan dikenal akan dilakukan terhadap semua individu yang terlibat di bawah kes siasatan.
34. Kakitangan yang dikenal pasti sebagai kontak rapat dengan kes yang telah disahkan akan diarahkan untuk dikuarantin sekurang-kurangnya 14 hari dan menjalani ujian saringan kesihatan mengikut arahan Kementerian Kesihatan Malaysia.
35. Kakitangan yang dikenal pasti sebagai kontak biasa akan diarahkan untuk dikuarantin sekurang-kurangnya 14 hari dan segala akan dipantau untuk sebarang gejala dan sekiranya terdapat gejala, kakitangan tersebut akan diminta untuk menjalani ujian saringan kesihatan.

MESYUARAT DAN KERJA LAPANGAN

36. Mesyuarat secara bersemuka (Face-to-face) tidak digalakkan kecuali ianya benar-benar memerlukan.
37. Syarikat disarankan untuk menggunakan alat mesyuarat persidangan dalam talian atau web (secara maya) seperti: Zoom, Microsoft Teams, Skype, dll.
38. Mesyuarat secara bersemuka mestilah mematuhi:
 - I. Hendaklah diadakan di kawasan yang luas (sekurang-kurangnya 1 meter).
 - II. Topeng muka dipakai setiap masa.
 - III. Pemeriksaan suhu / cuci tangan secara berkala.
39. Kerja lapangan mestilah mematuhi:
 - I. Sentiasa menjaga jarak sosial ketika berada di lapangan (sekurang-kurangnya 1 meter).
 - II. Topeng muka dipakai setiap masa.
 - III. Pemeriksaan suhu / cuci tangan secara berkala.
 - IV. Kakitangan seharusnya pulang segera ke rumah atau premis setelah selesai melakukan kerja lapangan.
 - V. Kenderaan yang dinaiki mestilah tidak melebihi 4 orang penumpang.
40. Merekodkan dan menyimpan maklumat ahli mesyuarat serta ahli kumpulan kerja lapangan sekurang-kurangnya 1 bulan bagi tujuan pengesanan jika perlu.

RUANG KERJA:

41. Kakitangan mengelap di permukaan ruangan/stesen kerja sendiri (meja, kerusi, alat elektronik, alatan ukur, kenderaan kerja lapangan, dll) dengan pembasmi kuman/pembersih dua kali sehari.
42. *Cleaner* membersihkan dan membasmi kuman pada permukaan yang kerap disentuh:
 - Tombol pintu, suis, dll- sekurang-kurangnya tiga kali sehari.
43. *Cleaner* mengelap dengan menggunakan pembasmi kuman/pembersih pada bilik mesyuarat setiap kali selepas perjumpaan diadakan.

PERSEDIAAN KECEMASAN:

44. Kakitangan yang merasa tidak sihat harus dengan segera mendapatkan rawatan perubatan dan mematuhi arahan/nasihat doktor.
45. Sekiranya gejala timbul semasa berada di dalam pejabat ataupun ketika melakukan kerja lapangan, segera beritahu majikan dan segera mendapatkan rawatan perubatan.
46. Sekiranya individu yang disyaki ditempatkan sementara di pejabat sementara menunggu bantuan perubatan, ruang itu akan segera dibersihkan mengikut SOP yang telah ditetapkan.

APPENDIX:



7 LANGKAH PENCUCIAN TANGAN YANG EFEKTIF

- Lekapkan kedua telapak tangan dan gosok.
- Lekap telapak tangan kanan di atas dorsum tangan kiri dengan jari bersilang dan gosok. Ulangi langkah ini di tangan kiri.
- Lekapkan kedua telapak tangan dengan jari bersilang dan gosok.
- Genggam jari tangan kiri, guna lapak tangan kanan, gosok bahagian dorsum, buku jari dan jari tangan kiri. Ulang langkah di tangan kanan.
- Gosok sekecilnya ibu jari kiri dalam genggaman telapak tangan kanan dan sebaliknya.
- Kuncupkan jari tangan kanan di atas telapak tangan kiri dan gosok secara putaran ke hadapan dan ke belakang. Ulangi langkah ini di tangan kanan.
- Gosok secara putaran di pergelangan tangan kiri. Ulangi langkah ini di tangan kanan.

Kementerian Kesihatan Malaysia
UKK@MOH

CARA PENGGUNAAN PENUTUP MULUT & HIDUNG

- Pakai sisi **berwarna menghadap ke luar**/sisi putih menghadap ke dalam
- Tutup keseluruhan** mulut dan hidung
- Ikat/sarung tali pada telinga
- Menggunakan kedua-dua belah tangan, **bentukkan kepingan logam mengikut bentuk hidung**